

Persepsi Pelajar Mengenai Punca-Punca Masalah Ponteng. Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 2, Johor Bahru.

Mohamed Sharif Bin Mustaffa & Hazni Binti Abdul Ghani

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti persepsi pelajar mengenai masalah ponteng di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 2, Johor Bahru. Soal selidik telah digunakan sebagai instrument kajian dan diedarkan kepada sampel yang terdiri daripada 266 pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah di atas. Para pelajar ini dipilih secara rawak mudah. Analisis kajian dibuat berdasarkan min dan peratusan dengan menggunakan perisian Statical Packages for the Social Science (SPSS) versi 15.0. Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan ke atas 10 orang responden yang tidak termasuk dalam sampel kajian dan Alpha Cronbach yang diperoleh ialah 0.849. Keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa punca utama berlakunya ponteng di kalangan pelajar ialah faktor diri, faktor hubungan keluarga dan faktor prasarana sekolah. Beberapa cadangan telah diutarakan untuk kajian lanjutan dan kepada pihak sekolah dalam menangani masalah ponteng.

Katakunci : persepsi pelajar, punca ponteng

Pengenalan

Pada abad ke-21, negara menghadapi cabaran baru kesan daripada globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Demi merialisasikan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, peranan guru kini telah bertukar daripada sumber utama pengetahuan kepada sebagai pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran, agen perubahan dan sumber inspirasi kepada pelajar (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010). Pelan ini sejajar dengan cabaran umum yang dihasratkan oleh Wawasan 2020 yang keempat iaitu mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, dengan warganegaranya teguh dalam nilai agama dan kerohanian dan didukung oleh nilai etika paling tinggi (Wawasan 2020).

Namun begitu, masalah sosial di kalangan pelajar semakin meningkat, kesan daripada era globalisasi. Masalah ini telah lama di perkatakan walaupun terdapat pelbagai inisiatif kerajaan dan pihak sekolah dalam menangani masalah sosial ini. Salah satu masalah sosial yang sering di perkatakan adalah gejala ponteng. Perangkaan bagi gejala ponteng yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1993, 1995 dan 1997), peratusan salah laku disiplin yang telah di rekodkan pada tahun-tahun berikut ialah 1993 (34%), 1995 (14.3%) dan 1997 (81.9%). Namun, statistik terbaru yang dipetik dari ucapan Yb. Dato' Hishammuddin Tun Hussein (2004) menyatakan bahawa, hanya 2 peratus pelajar terlibat dengan salah laku disiplin.

Menurut analisa Unit Displin, Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (1999) mendapati bahawa sebahagian besar salah laku yang telah dilakukan oleh pelajar adalah kesalahan jenis kecil iaitu ponteng sekolah (0.67%), ponteng kelas (0.48%), lewat datang sekolah (0.38%), pakaian sekolah tidak mengikut peraturan (0.20%), mengganggu pengajaran (0.15%) dan berambut panjang (0.13%). Berdasarkan data ini, masalah ponteng tetap memberi peratusan yang tinggi berbanding salah laku lain.

Terdapat pelbagai faktor yang menggalakkan para pelajar ponteng. Faktor-faktor ini boleh disebabkan oleh diri seperti sikap dan motivasi, keluarga seperti pergaulan dan amalan, rakan seperti pergaulan dan keperayaan, sekolah seperti persekitaran dan pengurusan dan guru seperti sikap dan kaedah mengajar. Faktor-faktor ini adalah faktor-faktor yang biasa di kaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Kesan ponteng ini telah memberi impak yang negatif terhadap diri, agama, bangsa, negara, masyarakat, keluarga dan masa depan pelajar itu sendiri.

Pernyataan Masalah

Masalah yang ingin di kaji adalah persepsi pelajar mengenai punca-punca masalah ponteng. Satu kajian kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 2, Johor Bahru. Jika masalah ini tidak dibendung dengan kaedah yang betul dan konsisten, ini akan memberikan kesan buruk kepada sistem pendidikan negara kita. Kesan-kesannya ialah pelajar terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat, merugikan diri sendiri, membazirkan wang rakyat kerana banyak program-program yang dijalankan untuk mengurangkan gejala ponteng sekolah dan perkara-perkara yang membawa kesan negatif terhadap diri sendiri, agama, bangsa dan negara. Dari sudut kurikulum sekolah, pelajar yang terlibat dengan ponteng akan ketinggalan dalam pelajaran, mundur atau mempunyai pencapaian yang rendah dan akhirnya menghadapi masalah keciciran (Kementerian Pendidikan Malaysia, Panduan Mengatasi Ponteng 1999).

Menurut Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir Mohd. Khir, pelajar tingkatan dua dan tiga dikenal pasti sebagai kumpulan yang paling ramai ponteng sekolah pada tahun 2003 dan kebanyakan mereka menuntut di sekolah-sekolah dalam kawasan bandar dan pinggir bandar. Menurut beliau lagi, seramai 34,628 pelajar terlibat dengan salah laku ponteng ini daripada keseluruhan lima juta pelajar di negara ini termasuk sekolah rendah dan sekolah menengah. Daripada jumlah itu, seramai 99 peratus adalah pelajar lelaki dan merupakan 0.78 peratus daripada keseluruhan jumlah pelajar. Namun menurut beliau, bilangan ini menurun berbanding tahun 1999 iaitu 38,053 pelajar dan kebanyakan pelajar menghabiskan masa pergi ke pusat-pusat hiburan. Menurut Mustaza (1994) dan Hamidah (1999) dalam Ropiah (2005) pula, kajiannya telah meneliti beberapa faktor yang mendorong kepada salah laku ponteng iaitu faktor individu dan keluarga, faktor persekolahan dan faktor persekitaran sekolah. Manson dan Edie (1998) menyatakan bahawa, sikap guru adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ponteng pelajar.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji persepsi pelajar mengenai punca-punca masalah ponteng. Satu kajian kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 2, Johor Bahru.

- a) Mengetahui samada faktor diri menyebabkan pelajar ponteng sekolah.
- b) Mengetahui samada faktor hubungan keluarga menyebabkan pelajar ponteng sekolah.
- c) Mengetahui samada faktor pergaulan rakan menyebabkan pelajar ponteng sekolah.
- d) Mengetahui samada faktor sikap guru menyebabkan pelajar ponteng sekolah.
- e) Mengetahui samada faktor prasarana sekolah menyebabkan pelajar ponteng sekolah.

Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan, mengkaji persepsi pelajar mengenai punca-punca masalah ponteng. Satu kajian kes di Sekolah Menengah Taman Universiti 2, Johor Bahru. Antara kepentingan kajian ini adalah:

Pelajar-pelajar : Dapat membantu pelajar dalam mengurus emosi dan fizikal sebelum ke alam dewasa.

Guru-guru : Memberi panduan kepada guru-guru untuk menjadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat menarik minat pelajar yang bermasalah.

Ibu Bapa : Dapat memberi panduan kepada ibu bapa dalam mengawal anak-anak mereka. Dapat membantu ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka

Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 2, Johor Bahru telah dipilih sebagai responden penyelidikan ini. Penyelidikan ini hanya terbatas kepada pelajar tingkatan 4 dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Seramai 341 orang pelajar akan terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian yang berbentuk kuantitatif deskriptif dengan menggunakan suatu penyelidikan tinjauan. Kajian ini menggunakan soal selidik yang disediakan oleh pengkaji sendiri yang melibatkan 5 komponen utama kajian. Borang tersebut diedarkan kepada pelajar tingkatan 4 sekolah yang terlibat dan dikumpul semula untuk pemprosesan data oleh penyelidik sendiri. Berikut adalah rajah reka bentuk kajian:



Rajah 1 : Reka bentuk kajian

Populasi Dan Sampel Kajian

Menurut Mohd. Majid (1993), populasi ialah satu set ciri yang menunjukkan ucapan atau ukuran yang tertentu kepada kumpulan individu atau objek. Populasi ini ditentukan dan dikaji dengan teliti supaya keputusan penyelesaian masalah yang dipilih berkesan. Populasi adalah sasaran dalam menyelesaikan masalah dan penyelidikan hendaklah melibatkan keseluruhan individu dalam populasi kajian.

Menurut Mohamad Najib (1999), saiz sampel penting kerana ia melambangkan kekuatan keputusan kajian nanti. Lebih besar sampel, lebih mantap kajian kerana dapat mengurangkan kesilapan keputusan. Membesarkan saiz sampel meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan skor.

Menurut Gay (dalam Syaharom, 1990), sekiranya jumlah populasi kurang daripada 500, maka 20 peratus sampel daripada jumlah populasi harus dimasukkan sebagai sampel. Dalam kajian ini, populasi pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 2, Johor Bahru ialah 341 orang.

Pengkaji memilih pelajar tingkatan empat sekolah tersebut kerana pelajar-pelajar mampu memberi pendapat mengenai punca-punca masalah ponteng dan mereka berada di dalam usia remaja

yang sedang meningkat. Pelajar tersebut adalah pelajar yang bukan 100% pelajar bermasalah ponteng.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah soal selidik menggunakan borang yang mengandungi soalan berkaitan tajuk kajian. Instrumen ini dipilih kerana instrumen ini sesuai dengan kajian. Borang tersebut mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A akan menyoal berkaitan latar belakang responden kajian. Bahagian B terdiri daripada 50 soalan objektif. Soalan ini dibahagikan kepada 5 kelompok varian. Setiap kelompok varians mengandungi 10 item. Berikut adalah 5 kelompok varians.

Jadual 1: Pembahagian item positif dan negatif

BIL.	PERSOALAN KAJIAN	ITEM POSITIF	ITEM NEGATIF
1.	10 soalan faktor diri	1, 2, 3, 5, 6, 8, 9	4, 7, 10
2.	10 soalan faktor hubungan keluarga	1, 2, 3, 8, 10	4, 5, 6, 7, 9
3.	10 soalan faktor pergaulan rakan	1, 3, 5, 6, 8	2, 4, 7, 9, 10
4.	10 soalan faktor sikap guru	1, 2, 3, 5, 7, 8, 9, 10	4, 6
5.	10 soalan faktor prasarana sekolah	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10	8

Menurut Mohd Majid Konting (1990), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku penyelidik. Mengikut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999) pula, soal selidik adalah salah satu kaedah yang paling popular dikalangan penyelidik, mudah ditakbir setelah dibina dengan baik dan juga data senang diproses untuk dianalisis.

Kajian Rintis

Pada peringkat awal, pengkaji membuat 50 soalan yang berkaitan dengan kelima-lima faktor yang telah dibincangkan dengan penyelia. Kajian rintis ini di lakukan ke atas 10 orang pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Analisis Data

“Adakah faktor diri menyebabkan pelajar ponteng sekolah?”

Min item-item yang berada pada tahap tinggi (3.68 hingga 5.00) adalah item-item 9, 1, 6 dan 8. Bagi item 9, nilai min yang diperoleh ialah 4.09 di mana seramai 206 orang responden (**77.4%**) setuju dengan kenyataan saya ingin mengubah gaya hidup keluarga, manakala seramai 40 orang responden (**15%**) tidak pasti dan 20 orang responden (**7.5%**) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Bagi item 1, min yang diperoleh adalah 4.05 di mana seramai 215 orang responden (**80.8%**) setuju dengan kenyataan saya suka pergi ke sekolah, manakala hanya 30 orang responden (**11.3%**) tidak pasti dan 21 orang responden (**7.9%**) tidak setuju.

Dan item min yang berada pada tahap rendah (1 hingga 2.33) ialah item 7 di mana item 7 merupakan item negatif bagi faktor ini. Min yang diperoleh ialah 1.96 di mana seramai 212 orang responden (**79.7%**) bersetuju dengan kenyataan saya suka bermain. Manakala seramai 28 orang responden (**10.5%**) tidak pasti dan 26 orang responden (**9.8%**) tidak setuju dengan kenyataan

tersebut. Secara keseluruhan, nilai min bagi faktor diri ialah 3.51 iaitu berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67).

“Adakah faktor hubungan keluarga menyebabkan pelajar ponteng sekolah?”

Min item-item yang berada pada tahap tinggi (3.68 hingga 5.00) adalah item-item 7, 1, 10, 2, 6, 5 dan 8 di mana item 5, 6 dan 7 merupakan item negatif. Bagi item 7, nilai min yang diperoleh ialah 4.29 di mana seramai 214 orang responden (**80.4%**) tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa ibu bapa saya membenarkan saya ponteng sekolah., manakala hanya 36 orang responden (**13.5%**) tidak pasti dan 16 orang responden (**6%**) setuju dengan kenyataan ini. Nilai min item 1 ialah 4.19, dimana seramai 215 orang responden (**80.8%**) setuju dengan kenyataan keluarga saya mementingkan pendidikan, manakala 35 orang responden (**13.2%**) tidak pasti dan 16 orang responden (**6%**) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Bagi item 10, nilai min ialah 4.02, di mana seramai 195 orang responden (**73.3%**) setuju dengan kenyataan keluarga saya memberi galakkan untuk terus belajar walaupun saya mendapat markah rendah. Manakala hanya 48 orang responden (**18%**) tidak pasti dan 23 orang responden (**8.6%**) tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Item min yang berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67) ialah 9, 3 dan 4 di mana item 4 dan 9 merupakan item negatif. Bagi item 9, nilai minnya ialah 3.58, di mana seramai 159 orang responden (**59.7%**) tidak setuju dengan kenyataan ibu bapa saya sibuk bekerja, manakala 55 orang responden (**20.7%**) tidak pasti dan 52 orang responden (**21.5%**) setuju dengan kenyataan tersebut. Secara keseluruhan, nilai min bagi faktor hubungan keluarga ialah 3.65 iaitu berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67). Bagi item 3, nilai min yang diperoleh adalah 3.42. Seramai 81 orang responden (**49.3%**) setuju dengan kenyataan Keluarga saya sangat marah jika markah saya rendah setiap ujian bulanan, manakala 77 orang responden (**28.9%**) tidak pasti dan 58 orang responden (**21.8%**) dengan kenyataan tersebut. Dan nilai min bagi item 4 ialah 2.76 . Seramai 124 orang responden (**46.7%**) setuju dengan kenyataan Ibu bapa saya suka membandingkan saya dengan anak jiran, saudara atau kawan mereka, manakala 89 orang responden (**33.4%**) tidak setuju dan 53 orang responden (**19.9%**) tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Secara keseluruhan, nilai min bagi faktor hubungan keluarga ialah 3.65 iaitu berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67).

“Adakah faktor pergaulan rakan menyebabkan pelajar ponteng sekolah?”

Min item-item yang berada pada tahap tinggi (3.68 hingga 5.00) adalah item-item 4, 6 dan 10 di mana 4 dan 10 adalah item negatif. Nilai min bagi item 4 iaitu 3.81. Majoriti responden iaitu seramai 174 orang (**65.4%**) tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa saya mudah terpengaruh dengan pujukan rakan untuk ponteng sekolah, manakala hanya 53 orang responden (**19.9%**) tidak pasti dan 39 orang responden (**14.6%**) setuju dengan kenyataan ini. Nilai min bagi item 6 ialah 3.76, di mana seramai 172 orang responden (**64.7%**) setuju dengan kenyataan kawan saya banyak beri galakkan untuk terus belajar, manakala hanya seramai 71 orang reponden (**26.7%**) tidak pasti dan 23 orang responden (**8.6%**) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Nilai min yang diperoleh oleh item 10 pula ialah 3.75, di mana seramai 166 orang responden (**62.4%**) tidak setuju dengan kenyataan bahawa saya pernah mengikut kawan ponteng sekolah, manakala hanya 58 orang responden (**21.8%**) setuju dan hanya 42 orang responden (**15.8%**) tidak pasti dengan kenyataan tersebut.

“ Adakah faktor sikap guru menyebabkan pelajar ponteng sekolah?”

Semua nilai min item-item bagi faktor sikap guru berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67). Item 4 dan 6 merupakan item negatif. Nilai min bagi item 1 ialah 3.95, di mana seramai 189 orang responden (**71%**) setuju dengan kenyataan guru mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang yang di ajarnya, manakala hanya 51 orang responden (**19.2%**) dan hanya 26 orang responden (**9.8%**) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Bagi item 2, nilai min yang diperoleh ialah 3.87. Seramai 188 orang responden (**70.7%**) setuju, 55 orang responden (**20.7%**) tidak pasti dan 23 orang

responden (8.7%) tidak setuju dengan kenyataan saya dapat galakkan yang positif dari guru mata pelajaran jika ada masalah dalam mata pelajaran tersebut. Bagi item 7 pula, nilai min yang diperoleh ialah 3.81. Seramai 183 orang responden (68.8%) setuju dengan kenyataan guru sedia memberi tunjuk ajar jika saya memerlukan. Hanya 53 orang responden (19.9%) tidak pasti dan hanya 30 orang responden (11.3%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

“Adakah faktor prasarana sekolah menyebabkan pelajar ponteng sekolah?”

Semua nilai min item-item bagi faktor prasarana sekolah berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67). Item 8 merupakan item negatif. . Bagi item 4, nilai min yang diperoleh ialah 3.54. Seramai 148 orang responden (55.7%) setuju, 68 orang responden (25.6%) tidak pasti dan 50 orang responden (18.8%) tidak setuju dengan kenyataan keadaan bilik kaunseling sekolah saya ceria. Bagi item 9 pula, nilai min yang diperoleh ialah 3.50, di mana seramai 142 orang responden (53.4%) setuju dengan kenyataan bengkel sekolah mempunyai bahan yang lengkap, manakala hanya 83 orang responden (31.2%) tidak pasti dan hanya 41 orang responden (15.4%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Nilai min yang diperoleh item 2 ialah 3.29, di mana seramai 121 orang responden (45.5%) setuju dengan kenyataan kemudahan di perpustakaan sekolah saya lengkap, manakala 83 orang responden (31.2%) tidak pasti dan 72 orang responden (23.3%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Perbincangan

Faktor diri adalah faktor penting yang menentukan kemampuan diri mereka. Secara keseluruhan, nilai min bagi faktor diri ialah 3.51 dan berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67).

Berdasarkan kenyataan “saya suka bermain”, pelajar memerlukan hiburan untuk memastikan mereka terus belajar. Ini kerana, menurut Maslow (1954, dalam Ropiah, 2005) sekiranya keperluan individu itu tidak dipenuhi, terdapat beberapa masalah tingkah laku akan timbul sekiranya keperluan psikologi dan sosial tidak dipenuhi, kanak-kanak akan menjadi nakal, salah asuhan, emosi yang tidak stabil, cemburu, berasa rendah diri, kurang keyakinan diri, tidak berasa selamat dan menunjukkan sikap agresif. Ini secara tidak langsung menunjukkan individu tersebut mempunyai konsep sendiri yang negatif dan mudah terlibat dengan masalah disiplin dan akhirnya tidak suka pergi ke sekolah. Dengan mempamerkan unsur-unsur hiburan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, secara tidak langsung pelajar akan termotivasi untuk meneruskan pembelajaran. Menurut Shamsudin (2005), antara punca pelajar ponteng ialah mempunyai motivasi yang rendah.

Faktor keluarga merupakan faktor asas pelajar mendapat pendidikan awal secara tidak langsung. Secara keseluruhan, nilai min bagi faktor hubungan keluarga ialah 3.65 dan berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67).

Item 4 mempunyai nilai peratus jawapan negatif tertinggi iaitu 46.7% mengatakan setuju kepada kenyataan “ibu bapa saya suka membandingkan saya dengan anak jiran, saudara atau kawan mereka”. Hanya 33.4% responden mengatakan tidak setuju dan 19.9% responden tidak pasti.

Daripada analisa di atas, perkara membandingkan seorang individu dengan individu lain adalah perkara yang tidak di senangi oleh pelajar. Ini kerana setiap individu mempunyai kebolehan tersendiri. Menurut kajian (Epstein & Sheldon, 2002), amalan keluarga memberi kesan yang besar terhadap kehadiran pelajar berbanding struktur keluarga.

Faktor pergaulan rakan sebaya tidak boleh disangkal lagi pengaruhnya terhadap individu. Secara keseluruhan nilai min bagi faktor ini ialah 3.42 dan masih berada pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67).

Berdasarkan dapatan analisis, item yang mempunyai nilai peratus jawapan negatif yang tertinggi ialah item 8. Kenyataan item ini ialah “saya dan rakan menumpukan perhatian ketika guru sedang mengajar” di mana, seramai 33.8% responden tidak setuju dengan kenyataan ini. Namun,

perbezaan setiap keputusan tidak banyak berbeza di mana seramai 35.7% responden tidak pasti dan 30.4% responden setuju dengan kenyataan ini.

Pihak sekolah hendaklah memastikan kelab Pembimbing Rakan Sebaya aktif dalam membantu pelajar yang bermasalah ini. Ini kerana, dengan bantuan pelajar, maklumat yang berkaitan masalah ponteng dapat di salurkan kepada guru untuk tindakan yang sesuai. Menurut kajian Hamdan Mis (1999) menyatakan bahawa rakan sebaya sangat penting dalam membentuk tingkah laku remaja yang positif. Selain pihak sekolah, guru juga perlu memainkan peranan, di mana Lepper dan Hoddell (1989), minat pelajar dapat ditimbulkan apabila guru mengadakan sesuatu yang baru ataupun luar biasa. Menurut Bernard (1966) juga, minat itu dibina akibat hubungan, pengalaman, kejayaan, maklumat dan kebiasaan.

Faktor sikap guru merupakan faktor yang penting dalam masalah ponteng sekolah. Nilai min keseluruhan bagi faktor ini adalah pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67) iaitu 3.54.

Hasil daripada analisa data, faktor guru tidak mempunyai nilai peratus jawapan negatif. Namun, nilai peratus jawapan positif yang rendah telah di ambil sebagai perbincangan. Item 6 mempunyai nilai peratus jawapan positif yang paling rendah iaitu 41.4%. Item ini menyatakan “Guru saya sangat membosankan ketika proses pengajaran dan pembelajaran”. Hanya 24.6% responden mengatakan tidak pasti dan 24.1% mengatakan setuju dengan kenyataan ini.

Berdasarkan analisa faktor di atas, ketidakprihatinan guru dalam menarik minat adalah salah satu punca pelajar ponteng. Dari masalah ini, pelajar akan ponteng sekolah untuk mencari perkara-perkara yang mereka minati. Ini di sokong oleh Abdul Rahman Md Arof dan Chong Lee Hoon (1994) bahawa sikap guru dalam bilik darjah yang pilih kasih dan suka membocorkan rahsia pelajar memungkinkan mereka untuk ponteng sekolah. Faktor ini juga di sokong oleh kenyataan Atan Long (1982), pembelajaran di dalam bilik darjah akan berjaya sekiranya mempunyai tiga faktor yang saling berkait iaitu pelajar, pengajaran guru dan suasana bilik darjah. Ini menunjukkan bahawa bila terdapat kecacatan pada salah satu faktor tersebut maka akan tercetuslah masalah disiplin. Ini dapat di sokong oleh Azizah (1995 dalam Ropiah, 1999) dimana beliau mendapati salah laku ponteng di kalangan pelajar sekolah secara langsung membabitkan golongan ibu bapa, guru, pentadbir dan badan disiplin sekolah. Namun begitu, masalah ponteng tetap akan berlaku jika, tindakan segera ke atas segelintir pelajar yang ponteng tidak di endahkan.

Infrastruktur prasarana sekolah merupakan faktor yang mempengaruhi masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar. Dalam kajian ini, faktor prasarana sekolah mempengaruhi secara sederhana. Secara keseluruhan, nilai min bagi faktor prasarana sekolah ialah 3.14 iaitu pada tahap sederhana (2.34 hingga 3.67).

Item 1 mencatat nilai peratus jawapan negatif tertinggi iaitu 47.4% responden tidak setuju. Item ini menyatakan “makanan kantin sangat sedap. Seramai 31.7% responden mengatakan tidak pasti dan hanya 20% responden mengatakan setuju.

Daripada analisa di atas, masalah ini berlaku kerana kelalaian dan tidak mengambil berat daripada pihak kantin sekolah yang menyediakan makanan di sekolah. Ini disokong dengan kenyataan Zuriani (1998 dalam Ropiah, 2005) menyatakan bahawa, walaupun prasarana ini agak remeh temeh namun ianya memberi kesan yang efektif yang mendalam jika terdapat masalah yang berkaitan dengannya jika tidak diatasi secepat mungkin terutamanya prasarana yang berhubungkait terus dengan mata pelajaran seperti kelengkapan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh kerana itu, pelajar akan ponteng sekolah untuk mencari makanan. Menurut kajian Kearney (2006) lagi, dua punca utama pelajar tidak ke sekolah iaitu meningkatkan perkara yang boleh mendatangkan kemarahan dan mengejar ganjaran di luar sekolah.

Masalah ini dapat di atasi sekiranya, semua pihak mengambil berat tentang sesuatu perkara itu, walaupun perkara itu remeh dari pandangan mereka. Pihak sekolah haruslah mengambil tahu jenis makanan yang harus disediakan dan kaedah yang digunakan oleh pihak kantin dalam penyediaan makanan pelajar. Ini dapat di sokong oleh Hamdan Mis (1999), dimana infrastruktur

prasarana sekolah yang lengkap dan sempurna juga akan menyumbang kepada motivasi pelajar untuk melakukan aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah. Jika ini berlaku, pelajar akan lebih tenang dan sihat untuk melakukan aktiviti pembelajaran di sekolah. Menurut Abdullah Sani Yahaya (2004) keceriaan sekolah merupakan salah satu elemen penting yang akan mempengaruhi pengurusan sekolah dan disiplin pelajar di sesebuah sekolah.

Rujukan

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Yusof Boon dan How Lee Chan (2007). *Faktor-Faktor Mempengaruhi Pelajar Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor*. Tesis Ph.D Universiti Teknologi Malaysia: tidak diterbitkan.
- Burley M dan Harding E (1998). *Truant Students: Evaluating the impact of the "Becca Bill" Truancy Petition Requirements*. Washington State Institute For Public Policy: The Evergreen State College.
- Cash T dan Duttweiler P C (2005). *Planning, Collaboration and Implementation Strategies for Truancy Programs*. National Dropout prevention center/Network: Universiti Clemson.
- Dekalb dan Jay (1999). *Student Truancy*. ERIC Development Team: Amerika Syarikat
- Joseph A (2008). *A Study Of Elementary Children At Risk For Truancy: Exploring Gender Differences, Service Offered, And Other Factors Related To Truancy*. Tesis Sarjana: Universiti Louisiana State.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (2000): Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur
- M J Van Breda (2006). *Guidelines For Empowering Secondary School Educators, In Loco Parentis, In Addressing Truancy Among Early Adolescent Learners*. University Afrika Selatan: tidak di terbitkan.
- Mogulescu, Sara; Segal dan Heidi J (2002). *Approaches to Truancy Prevention*. Vera Institute of Justice: New York.
- Pappas J A (1996). *Truancy: New Twist*. Millbrae Police Department: Milbrae.
- Ropiah Mohamed (2004). *Faktor-Faktor Persekolahan Yang Mempengaruhi Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar, Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Salah Sebuah Sekolah Di Daerah Muar, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Smink J dan Reimer M S (2005). *Fifteen Effective Strategies for Improving Student Attendance and Truancy Prevention*. National Dropout Prevention Center/Network: Universiti Clemson.